

# Tanam 1000 Pokok Bakau

**K**UALA PERLIS, 14 Disember 2019 – sebanyak 80 orang pelajar dan pensyarah UiTM Cawangan Perlis berpeluang terlibat dengan program anjuran (Tenaga Nasional Berhad (TNB), Jabatan Perhutanan Perlis dan Pejabat Menteri Besar Perlis dalam program Tanam 1000 Pokok Bakau di persisiran pantai negara. Pelajar dan pensyarah yang bertolak seawal pukul 7.00 pagi dari UiTM Cawangan Perlis untuk ke Hutan Simpan Pulau Ketam, Kuala Perlis, Perlis, merupakan sukarelawan yang dipertanggungjawabkan bagi merealisasikan sasaran untuk menanam 1000 pokok bakau tersebut. Terdapat dua jenis pokok bakau yang ditanam pada hari tersebut, iaitu pokok bakau banyak dan bakau kurap.

Acara perasmian program disempurnakan oleh Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man. Yang turut hadir ialah Ketua Pegawai Grid TNB, Datuk Ir. Husaini Husin dan Pengarah Perhutanan Perlis, Ag. Shafie Ag. Ahmadni.

Acara seperti ini sangatlah penting bagi melestarikan hutan bakau di Malaysia. Dengan proses menanam dan menambah keluasan hutan bakau yang ada pastinya dapat mewujudkan suatu rantaian ekosistem yang baharu yang melibatkan habitat dan haiwan yang bakal muncul mendiami kawasan ini.

Di samping itu, pelibatan pelajar, khususnya sukarelawan daripada UiTM Cawangan Perlis, pastinya mampu memupuk sikap sayang akan alam sekitar. Hal ini dikatakan demikian kerana



Sukarelawan memperlihatkan kesungguhan mereka meredah kawasan berselut untuk menanam pokok bakau.

untuk menanam setiap pokok bakau bukanlah suatu perkara yang mudah. Pelajar perlu memasuki kawasan tanah bakau yang berselut yang boleh menenggelamkan kasut hingga paras lutut. Keadaan menyebabkan kesukaran untuk seseorang itu bergerak dan ada pelajar yang terjatuh akibat kasut yang terlekat di dalam selut. Pokok bakau ini pula mengambil masa berpuluh-puluh tahun untuk membesar, sebaliknya tidak memerlukan masa yang panjang untuk memusnahkan hutan bakau tersebut. Oleh itu, penat lelah mereka yang menanam pokok bakau ini pastinya menjadikan setiap daripada mereka sayang akan hutan bakau yang ada daripada dimusnahkan.



Pelajar UiTM Cawangan Perlis bersama-sama pengarah Jabatan Perhutanan Perlis.